فَٱعۡلَمۡ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱللَّهُ وَٱسۡتَغۡفِرۡ لِذَنۢبِكَ وَلِلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِۗ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مُتَقَلَّبَكُمۡ وَمَثۡوَىٰكُمۡ ١٩

Katakanlah: "Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya ***tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah****, dan mintalah ampun kepada-Nya bagi salah silap yang engkau lakukan, dan bagi dosa-dosa orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan; dan (ingatlah), Allah mengetahui akan keadaan gerak-geri kamu (di dunia) dan keadaan penetapan kamu (di akhirat).* [Muhammad 47: 19]

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
Faculty of Islamic Studies

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

BICARA EKSEKUTIF
MUFTI BERSAMA MASYARAKAT

Cabaran Akidah Ahli Sunah Waljamaah: Al-Asya`irah dan Al-Maturidiyyah

DR. WAN HASLAN KHAIRUDDIN

Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

19 Oktober 2026 / 8 Jamadilawal 1448 (Isnin) | 8.00 AM - 5.00 PM

Hotel Casuarina @ Meru, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak Darul Ridzuan

CABARAN AKIDAH AHLI SUNAH WALJAMAAH: AL-ASḤĀ'IRAH DAN AL-MĀTURIDIYYAH*

Wan Haslan Khairuddin**

ABSTRAK

Wacana ini meneliti cabaran akidah Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ) dengan memberikan tumpuan kepada kedudukan al-Ashā'irah dan al-Māturidiyyah sebagai aliran dominan ASWJ dalam mendepani cabaran masa kini. Perbincangan merangkumi tiga fokus utama iaitu: [i] kedudukan al-Ashā'irah dan al-Māturidiyyah dalam ASWJ; [ii] teras utama dalam pegangan ASWJ; dan [iii] cabaran ASWJ dalam mendepani cabaran masa kini. Wacana ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap sumber-sumber klasik dan kontemporari dalam disiplin akidah terutama ilmu kalam. Wacana ini bertujuan memperkukuh kefahaman tentang asas-asas pegangan al-Ashā'irah dan al-Māturidiyyah di samping menjelaskan kerelevanannya dalam menangani cabaran pemikiran kontemporari. Tuntasnya, penghayatan pegangan al-Ashā'irah dan al-Māturidiyyah bukan sahaja berperanan memelihara kemurnian keimanan malah membentuk keupayaan umat Islam menilai ideologi secara berprinsip, berilmu dan berhikmah sekaligus memperkukuh keteguhan akidah serta kesatuan umat Islam.

Kata kunci: Ahli Sunah Waljamaah, al-Ashā'irah, al-Māturidiyyah, tauhid, ideologi kontemporari.

ASWJ: al-Ashā‘irah dan al-Māturidiyyah

Al-Sayyid Murtaḍā al-Zabīdī (m.1790/1205H) menjelaskan:

إِذَا أُطْلِقَ أَهْلُ السُنَّةِ فَالْمُرَادُ بِهِ الأَشَاعِرَةُ وَالمَاتُرِيْدِيَّةُ

Bermaksud: Apabila disebut **Ahli Sunah Waljamaah** maka yang dimaksudkan dengannya ialah **al-Ashā‘irah** dan **al-Māturidiyyah**

Al-Shaykh Muhammad Muktar bin Atarid (m.1930/1349H) pengarang *Inilah Kitab Usuluddin Iktikad Ahli Sunah Waljamaah* menegaskan:

...dan bahawasanya **Imām al-Shāfi‘ī** dan **Imam Abī Ḥanīfah** dan **Imām Malik bin Anas** dan **Imam Ahmad bin Hanbal** dan setangkalannya ulama ahli ijtihad... maka wajib atas tiap-tiap seorang yang bukan ahli ijtihad bahawa ia taklid yakni mengikut pada hukum fiqah akan salah satu daripada mazhab mereka itu...dan bahawasanya **Imam Abi Hassan Asyari** dan **Imam Abu Mansur Maturidi** itu ikutan yang benar pada bab iktikad..dan bahawasanya tarekat **Abi al-Qasim Junayd al-Baghdadi** dan sekalian ikutan itu tarekat yang benar yang suci bidaah.

Teras Utama Pegangan ASWJ


Teras utama pegangan Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ) menurut tradisi al-Ashā'irah dan al-Māturidiyyah merangkumi kandungan *al-Shahādatayn*; komponen **Islam, iman dan ihsan**; prinsip **tauhid zat, sifat dan *af'āl* Allah SWT** serta peranan **akal dan wahyu**.

***AL-SHAHĀDATAYN*: asas pengakuan dan komitmen keimanan**

Dua Kalimah Syahadah menjadi landasan kepada kandungan utamailmu akidah yang tiga iaitu: *al-Ilāhiyyāt* (ketuhanan) dengan 41 perkara (sifat wajib, mustahil & harus bagi Allah SWT), *al-Nubuwwāt* (kenabian) dengan 9 perkara (sifat wajib, mustahil & harus bagi Rasul) dan *al-Sam'iyyāt* (perkara yang diketahui melalui perkhabaran wahyu).

TAUHID dan KE-ESAAN ALLAH SWT: monoteisme mutlak

Allah SWT Esa pada zat-Nya memberi faham tiada pecahan bagi-Nya (*lā qism lah*); dan Esa pada sifat-sifat-Nya memberi faham tiada yang menyamai-Nya (*lā shabīh lah*); dan Esa pada perbuatan-perbuatan-Nya memberi faham tiada sekutu bagi-Nya (*lā sharīk lah*).



ISLAM, IMAN dan IHSAN: Kerangka menyeluruh kehidupan beragama

ISLAM memberikan kerangka kepatuhan yang dizahirkan melalui syahadah, solat, zakat, puasa dan haji. IMAN merangkumi kepercayaan terhadap Allah SWT, malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari akhirat dan qada serta qadar. IHSAN melengkapkan kedua-duanya dengan kesedaran rohani bahawa seluruh pengabdian berlangsung di hadapan Allah SWT.

AKAL dan WAHYU: cahaya di atas cahaya

Al-Ghazālī mengumpamakan akal sebagai mata manakala wahyu sebagai cahaya. Tuntasnya, akal bersama dengan syarak (i.i. wahyu) adalah cahaya di atas cahaya.

http://aldurrah.blogspot.com

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا وَأَحِبَّتَنَا عِنْدَ الْمَوْتِ نَاطِقِيْنَ بِكَلِمَتَيْ الشَّهَادَةِ عَالِمِيْنَ بِهَا

Ya Allah jadikan kami dan insan yang kami kasihi di saat ajal maut di kalangan individu yang menuturkan dua kalimah syahadah dan memahami kandungannya

Dua Kalimah Syahadah

أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمد رسول الله

"Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad pesuruh Allah SWT"

(i) *al-Ilahiyyāt* atau perkara-perkara ketuhanan.	(ii) *al-Nubuwwāt* atau perkara-perkara kenabian.	(iii) *al-Sam'iyyāt* atau perkara-perkara ghaib.
41 perkara daripada sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT.	9 perkara daripada sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi rasul.	Perkara-perkara yang dibawa Rasulullah SAW khususnya perincian daripada 6 rukun Iman.

*Fokus lebih umum daripada *al-Ilahiyyāt*, *al-Nubuwwāt* dan *al-Sam'iyyāt* dalam Ilmu Kalam ialah penjelasan Khalik-makhluk dan pemahaman Tauhid-syirik.



#agama dan ajaran sesat termasuk ateisme, berasaskan kepada tidak mempercayai Tuhan atau mensyurikkan-Nya, tidak memperakui kerasulan Muhammad SAW dan tidak mempercayai perkara ghaib (apa yang dibawa para rasul) dapat didepani dengan kefahaman yang baik terhadap perkara *al-Ilahiyyāt*, *al-Nubuwwāt* dan *al-Sam'iyyāt*.

http://aldurrah.blogspot.com

al-Ṣirāt al-Mustaqīm & kelompok sesat

Firman Allah SWT dalam surah *al-Fātiḥah* :7-6 :1

ٱهۡدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلۡمُسۡتَقِيمَ ٦ صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمۡتَ عَلَيۡهِمۡ غَيۡرِ ٱلۡمَغۡضُوبِ عَلَيۡهِمۡ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ٧

Bermaksud: Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

- **Orang yang dikurniakan nikmat** ialah jalan para nabi, *siddiqīn*, para syuhada dan *sāliḥīn* (*al-Nisā* 4: 69); ***al-maghdūb ʻalayhim*** ialah Yahudi; dan ***al-ḍālīn*** ialah Naṣārā, Nasrani atau Kristian.

Al-Shahrastānī dalam *al-Milal wa al-Niḥal* (1992: 10) menjelaskan:

وشبه النبيﷺ: كل فرقة ضالة من هذه الأمة بأمة ضالة من الأمم السالفة

فقال القدرية مجوس هذه الأمة وقال المشبهة يهود هذه الأمة والرافضة نصاراها.

Bermaksud: dan Nabi SAW mengumpamakan: setiap kelompok sesat dari kalangan umat ini seperti umat yang sesat dari kalangan umat-umat terdahulu.
Dikatakan: Fahaman **al-Qadariyyah** adalah **Majusi** umat ini, al-**Mushabbihah** (i.i. antropomorfisme: kepercayaan bahawa Tuhan bersifat sama seperti manusia) adalah **Yahudi** umat ini dan **al-Rāfiḍah** adalah **Nasrani** umat ini

- **Al-Qadariyyah** persis Majusi kerana asas dualisme iaitu faham berasaskan dua prinsip yang saling bertentangan seperti antara kebaikan dan kejahatan, dan antara terang dan gelap apabila mengasingkan kudrat Tuhan dan kudrat manusia. **Al-Mushabbihah** persis fahaman Yahudi apabila menyifatkan Tuhan dengan sifat-sifat manusia. Sebaliknya **al-Rāfiḍah** persis fahaman Nasrani kerana menyifatkan manusia dengan sifat-sifat Tuhan.

http://aldurrah.blogspot.com

الصراط المستقيم | jalan yang lurus

Tunjukilah kami jalan yang lurus.

[1] *laitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka;*

[2] *bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai;*

[3] *dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat*

(*al-Fātiḥah* 1: 6-7)

الَّذِينَ أَنعَمتَ عَلَيهِمْ

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Nisā'* 4: 69.

وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَعَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلصِّدِّيقِينَ وَٱلشُّهَدَآءِ وَٱلصَّٰلِحِينَ ۚ وَحَسُنَ أُوْلَٰٓئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾

Bermaksud: Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama **orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka**, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).

غَيرِ المَغضُوبِ عَلَيهِمْ

bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai;

وَلاَ الضَّالِّينَ

dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat

Menurut ahli tafsir seperti al-Ṭabarī (1994: 72-80), Ibn Kathīr (2000: 71-75), al-Rāzī (1981: 261-266) dan lain-lain: "*jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat.*" ialah **jalan para nabi, *siddiqīn*, para syuhada dan *sāliḥīn***. Manakala, "*bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai.*" (*al-maghdūb 'alayhim*) ialah **Yahudi** dan "*bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.*" (*al-ḍālīn*) ialah **Naṣārā, Nasrani atau Kristian**

al-Rāfiḍah (i.i. Syiah) adalah **Nasrani** umat ini
(Al-Shahrastānī 1992: 10)

 # Al-Rāfiḍah persis fahaman **Nasrani** kerana menyifatkan manusia dengan sifat-sifat Tuhan
Al-Rāfiḍah* adalah** fahaman ***Al-Mujassimah

al-*Mushabbihah* adalah **Yahudi** umat ini
(Al-Shahrastānī 1992: 10)

 # Al-Mushabbihah persis fahaman **Yahudi** apabila menyifatkan Tuhan dengan sifat-sifat manusia.

http://aldurrah.blogspot.com

Tauhid & fahaman kufur, sesat

Al-Shahrastānī dalam *al-Milal wa al-Niḥal* (1992: 85) menjelaskan:

وَأَمَّا التَّوْحِيدُ فَقَدْ قَالَ أَهْلُ السُّنَّةِ وَجَمِيعُ الصِّفَاتِيَّةِ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى **وَاحِدٌ فِي ذَاتِهِ** لَا قَسِيمَ لَهُ، **وَوَاحِدٌ فِي صِفَاتِهِ الْأَزَلِيَّةِ** لَا نَظِيرَ لَهُ، **وَوَاحِدٌ فِي أَفْعَالِهِ** لَا شَرِيكَ لَهُ

Bermaksud: Adapun berkaitan tauhid maka Ahli Sunah dan seluruh *al-Ṣifātiyyah* berkata: Sesungguhnya Allah Taala **Esa pada zat-Nya,** tiada pecahan bagi-Nya; dan **Esa pada sifat-sifat-Nya yang azali,** tiada yang menyamai-Nya; dan **Esa pada perbuatan-perbuatan-Nya,** tiada sekutu bagi-Nya

Empat fahaman yang menyalahi **konsep tauhid** iaitu:

- *ittihād* (sesuatu menjadi sesuatu yang lain) sebagaimana konsep triniti dalam Kristian.
- *hulūl* (keberadaan suatu wujud pada wujud yang lain) sebagaimana konsep asimilasi Tuhan dengan Jesus AS dalam Kristian.
- *tashbīḥ* : *al-mushabbihah* atau antropomorfisme (i.i. kepercayaan Tuhan bersifat seperti makhluk); dan
- *tajsīm* : *al-mujassimah* (i.i. kepercayaan Tuhan berjasad, bertubuh, berobjek) yang menyalahi firman Allah SWT dalam surah *al-Shūrā* 42: 11

Tauhid, ateisme & fahaman kufur

المنكرون ⟷ المؤمنون

- **Ateisme** (atéisme): dahri, dahriah, zindik, *lā dīniyyah*, mulhid iaitu fahaman atau kepercayaan yang tidak mengakui kewujudan Tuhan (Kamus Dewan 2007: 88).
- Gejala berkaitan **Ateisme**: skeptik (*tabī'iyyah*), materialistik (*mādiyyah*), agnostik, ateistik.
- Ideologi berkaitan **Ateisme**: naturalisme (*tabī'iyyah*), materialisme (*mādiyyah*), liberalisme, sekularisme.
- Asas keyakinan **Ateisme** ialah yang menghidupkan adalah tabiat semula jadi (*tabī'iyyah*) dan yang membinasakan adalah peredaran zaman (*mādiyyah*)

المشركون — الموحدون

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Ḥajj* 22: 17:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَٱلَّذِينَ هَادُواْ وَٱلصَّٰبِـِٔينَ وَٱلنَّصَٰرَىٰ وَٱلْمَجُوسَ وَٱلَّذِينَ أَشْرَكُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ.

Bermaksud: Bahawasanya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Ṣabi'īn, dan orang-orang Nasrani, dan orang-orang Majusi, serta orang-orang Musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukum-Nya di antara mereka pada hari kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa Memerhati dan Menyaksikan tiap-tiap sesuatu.

فالباري تعالى واحد في ذاته لا قسم له، وواحد في صفاته لا شبيه له، وواحد في أفعاله لا شريك له

Allah *Jallā wa 'Alā* adalah Tuhan Yang Esa daripada sudut zat, sifat dan perbuatan-Nya (*af'āl*)
(Al-Ghazālī 1983: 49; Ibn Fūrak 1987: 55; al-Shahrastānī 2009: 85)

Gejala berkaitan:

- **Skeptik:** skeptikal (sképtikal) waswas, kurang percaya, ragu-ragu (Kamus Dewan 2007: 1509)
- **Materialistik (matérialistik):** berkaitan dengan kebendaan, bersifat kebendaan, mengutamakan (mementingkan) kebendaan (Kamus Dewan 2007: 1007) = ***tabī'iyyah*** (i.i. naturalisme) dan ***mādiyyah*** (i.i. materialisme)
- **Agnostik:** orang yang berpendapat atau berpendirian bahawa hanya sesuatu yang berupa kebendaan sahaja yang boleh diketahui manakala pengetahuan tentang Tuhan dan segala yang abstrak tidak mungkin (Kamus Dewan 2007: 15) = ***tabī'iyyah*** (i.i. naturalisme) dan ***mādiyyah*** (i.i. materialisme)
- **Ateistik (atéistik):** berpendirian (bersikap) tidak mengakui kewujudan Tuhan (Kamus Dewan 2007: 88)

http://aldurrah.blogspot.com

Kaedah Sifat 20 dalam Makrifatullah

أدلة وجود الله سبحانه وتعالى (حدوث العالم، إثبات الصانع، توحيد الخالق)

Kerangka Sifat 20 dalam Mendepani Ateisme, Politeisme

Firman Allah SWT dalam *Muhammad* :19 :47

فَٱعْلَمْ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱللَّهُ

kaedah penafian segala kekurangan (*nafy al-naqā'iṣ*) dan pensabitan segala kesempurnaan (*ithbāt al-kamālāt*)

الصفة النفسية Sifat al-Nafsiyyah	الصفات السلبية Sifat-sifat al-Salbiyyah	صفات المعاني Sifat-sifat al-Ma'ānī	الصفات المعنوية Sifat-sifat al-Ma'nawiyyah
فَمِمَّا يَجِبُ لِمَوْلِانَا جَلَّ وَعَزَّ عِشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ: (1) الْوَجُودُ؛ # أدلة وجود الله سبحانه وتعالى: • الدليل الوجودي • الدليل الإمكان والوجوب • دليل الحدوث • دليل النظام والإتقان (دليل الغاية)	(2)وَالْقِدَمُ؛ (3)وَالبَقَاءُ (4) وَمُخَالَفَتُهُ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ؛ (5)وَقِيَامُهُ تَعَالَى بِنَفْسِهِ :أَيْ لاَ يَفْتَقِرُ إِلَى مَحَلَّ، وَلاَ مُخصِّصٍ؛ (6)وَالْوَحْدَانِيَّةُ : أَيْ لاَ ثَانِيَ لَهُ فِي ذَاتِهِ، وَلاَ فِي صِفَاتِهِ، وَلاَ فِي أَفْعَالِهِ # قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (الْوَحْدَانِيَّةُ) اللَّهُ الصَّمَدُ (قِيَامُهُ تَعَالَى بِنَفْسِهِ) لَمْ يَلِدْ (البَقَاءُ) وَلَمْ يُولَدْ (الْقِدَمُ) وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ (مُخَالَفَتُهُ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ)	(7)الْقُدْرَةُ؛ (8)وَالإِرادَةُ : المُتَعَلِّقَانِ بِجَمِيعِ المُمْكِنَات؛ (9)وَالْعِلْمُ المُتَعَلِّقُ بِجَمِيعِ الْوَاجِبَاتِ، وَالجَائِزَاتِ، وَالمُسْتَحِيلاَتُ؛ (10)وَالحَيَاةُ، وَهِيَ :لاَ تَتَعَلَّقُ بِشْيءٍ؛ (11) وَالسَّمْعُ (12)وَالبصَرُ : المُتَعَلِّقَانِ بِجَمِيعِ المَوْجُدَات؛ (13)وَالْكَلاَمُ :الَّذِي لَيْسَ بِحَرْفٍ، وَلاَ صَوْتٍ، وَيَتَعَلَّقُ بِمَا يَتَعَلَّقُ بِهِ الْعِلْمُ مِنَ المُتَعَلَّقَاتِ	وصِفَاتٍ مَعْنَوِيَّةً، وَهِيَ : مُلاَزِمَةٌ لِلسَّبْعْ الْأُولَى، وَهِيَ : (14)كَوْنهُ تعالى :قادراً؛ (15)وَمُرِيداً؛ (16)وَعَالِمًا؛ (17)وَحَيًّا؛ (18)وَسَمِيعًا؛ (19)وَبَصِيراً؛ (20)وَمُتَكَلِّمًا

#Sifat 20 hakikatnya merupakan metodologi Ahli Sunah Waljamaah yang berupaya mendepani ateisme, animisme, politeisme bahkan monoteisme yang bercanggah dengan konsep tauhid.

http://aldurrah.blogspot.com

أهل السنة والجماعة (الأشاعرة والماتريدية)


ISLAM	IMAN	IHSAN
mabda' (permulaan)	*wasṭ* (pertengahan)	*kamāl* (puncak)
Fizikal/Badan	**Mental/Akal**	**Spiritual/Hati**
IBADAH	AKIDAH	TAZKIAH

Firman Allah SWT dalam surah *al-Mu'minūn* :53 :23

فَتَقَطَّعُوٓاْ أَمۡرَهُم بَيۡنَهُمۡ زُبُرٗاۖ كُلُّ حِزۡبِۭ بِمَا لَدَيۡهِمۡ فَرِحُونَ ٥٣

Bermaksud: Kemudian umat Rasul-rasul itu berpecah-belah dalam urusan agama mereka kepada beberapa pecahan, **tiap-tiap golongan bergembira dengan apa yang ada pada mereka**.

Setiap kelompok berbangga dengan apa yang ada pada mereka (*al-Mu'minūn* 23: 53). **Kepelbagaian manusia dalam kelompok, aliran atau sekta adalah sunatullah** dan akan terus-menerus berselisihan kecuali orang yang diberi rahmat (*Hūd* 11: 118-119). Setiap kita saling lengkap melengkapi. Kita tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah SWT dengan mengikhlaskan ibadat (pengabdian diri) hanya kepada-Nya (*al-Bayyinah* 98: 5).




http://aldurrah.blogspot.com

Akal & Wahyu: *al-sam'*; *al-abṣār* & *al-af'idah*

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنكُمْ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ





وَاللَّهُ أَخْرَجَكُم مِّن بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ [النحل : 78]

"Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran, penglihatan dan hati supaya kamu bersyukur"

(i) *al-sam'* atau wahyu menatijahkan hukum syarak.
Hukum syarak: [a] *taklīfī*: wajib, sunat, harus, makruh dan haram; [b] *waḍa'ī*: sebab, syarat dan halangan.

(ii) *al-abṣār* atau pancaindera menatijahkan hukum adat atau saintifik.
Hukum adat perkaitan faktor-kesan: ada-ada, tiada-tiada, ada-tiada dan tiada-ada.

(iii) *al-af'idah* atau akal menatijahkan hukum akal.
Hukum akal: wajib, mustahil dan harus.

*Apabila disebutkan hanya dua iaitu wahyu dan akal maka pancaindera termasuk di dalam akal kerana ianya merupakan deria perasa lima atau alat-alat bagi akal.

Isu-isu perselisihan umat
al-qawā'id al-arba'ah

Al-Shahrastānī menetapkan secara rasional semua perbezaan pokok umat Islam kepada empat asas besar (*al-qawā'id al-arba'ah*) yang menjadi paksi utama perbezaan teologi (*uṣūl al-khilāf*):

- Pertama: **Isu Sifat dan Tauhid** meliputi perbahasan sifat azali Allah SWT sama ada diakui atau dinafikan; perbezaan antara *ṣifāt al-dhāt* (sifat zat) dan *ṣifāt al-fi'l* (sifat perbuatan); apa yang wajib, harus, dan mustahil bagi Allah SWT.
  - Timbul khilaf antara **ASHĀ'IRAH**, Karrāmiyyah, Mujassimah dan Mu'tazilah.
- Kedua: **Isu Takdir dan Keadilan** meliputi perbahasan qadak dan qadar; hubungan antara *jabr* (paksaan) dan *kasb* (usaha manusia); baik dan buruk; konsep *maqdūr* (yang ditakdirkan) dan *ma'lūm* (yang diketahui).
  - Timbul khilaf antara Qadariyyah, Jabariyyah, Najjāriyyah, Karrāmiyyah dan **ASHĀ'IRAH** .

Isu-isu perselisihan umat
al-qawā'id al-arba'ah

- Ketiga: **Isu Janji dan Ancaman (*al-Wa'd wa al-Wa'īd*) serta Nama dan Hukum** meliputi perbahasan hakikat iman dan kufur; taubat dan ancaman azab (*al-wa'īd*); isu *irjā'* (menangguh penilaian pelaku dosa); dan persoalan *takfīr* (menghukum kafir) serta *taḍlīl* (menyesatkan).
  * Timbul khilaf antara Murji'ah, Wa'īdiyyah, Mu'tazilah, **ASHĀ'IRAH** dan Karrāmiyyah.
- Keempat: **Isu Wahyu, Akal dan Kepimpinan (*al-Sam' wa al-'Aql*)** meliputi perbahasan baik dan buruk (*taḥsīn* dan *taqbīḥ*); persoalan *ṣalāḥ wa al-aṣlaḥ* (apakah Allah wajib melakukan yang terbaik untuk makhluk); *luṭf* (kelembutan ilahi); *'iṣmah* (kemaksuman para nabi); dan syarat-syarat imāmah sama ada melalui nas (penentuan langsung) atau ijmak.
  * Timbul khilaf antara Syiah, Khawārij, Mu'tazilah, Karrāmiyyah dan **ASHĀ'IRAH**.

Takfīr benih ekstremisme

Al-Bayjūrī menjelaskan catatannya terhadap *Jawharah al-Tawḥīd* :

- **Ahli Sunah Waljamaah** **tidak menghukum seseorang mukmin sebagai kafir semata-mata kerana dia melakukan dosa sama ada dosa kecil atau besar** yang dilakukan dalam keadaan sedar atau jahil selagi tidak disertai dengan penafian terhadap asas iman atau keingkaran terhadap hukum yang jelas.
- **Khawarij** berpendirian setiap orang yang melakukan dosa kecil atau besar adalah kafir kerana mereka menganggap semua dosa sebagai dosa besar dan pelakunya terkeluar daripada Islam.
- **Muktazilah** di jalan tengah iaitu pelaku dosa besar tidak lagi dianggap mukmin tetapi belum kafir (*manzilah bayna al-manzilatayn*)
- Seseorang mukmin di sisi **Ahli Sunah Waljamaah** dihukum kafir dengan dua keadaan: [i] **jika dosanya termasuk perbuatan kufur** contohnya menolak ilmu Allah SWT tentang perkara-perkara kecil (*al-juz'iyyāt*) & menafikan sifat atau kekuasaan-Nya. Dalam hal ini pelakunya menjadi kafir secara pasti (*kufr qat'ī*); [ii] **jika dia menghalalkan perbuatan yang jelas haram** iaitu sesuatu yang diketahui secara pasti dalam agama seperti zina, arak, atau riba. Sesiapa yang menganggap halal perkara tersebut sedangkan diketahui umum sebagai haram maka kafir kerana *istihlal* (menghalalkan yang haram).

http://aldurrah.blogspot.com

ideologi & fahaman menyeleweng menafikan 'aku janji' *al-Shahadatayn*

Liberalisme

Liberalisme menekankan kebebasan individu, hak dan autonomi manusia sehingga menjadi ukuran tertinggi sehingga **menolak kepatuhan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya**, kebenaran wahyu dan kewajipan terhadap suruhan serta larangan dalam agama.

Sekularisme

Sekularisme merujuk kepada **pemisahan antara urusan agama dan kehidupan dunia** termasuk pentadbiran negara. Fahaman ini bercanggah dengan prinsip Islam yang menyeluruh merangkumi aspek kehidupan dunia dan akhirat. Oleh itu, sekularisme dikategorikan sebagai fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

Pluralisme

Pluralisme agama adalah fahaman yang **menganggap semua agama adalah sama dan benar** serta menawarkan jalan keselamatan yang setara. Pandangan ini ditolak dalam Islam kerana menafikan kebenaran eksklusif Islam sebagai agama yang diredhai Allah SWT. Dengan itu, pluralisme agama adalah sesat dan menyesatkan serta boleh membawa seseorang keluar dari Islam.

dimensi & potensi kekufuran

THE NEW AGE MOVEMENT

Pertembungan NAM dengan ISLAM berakar pada aspek **ontologi** (hakikat Tuhan & manusia), **epistemologi** (sumber makrifat) & **aksiologi** (nilai, tujuan atau panduan hidup).

ASPEK PERBANDINGAN	AGAMA ISLAM	*NEW AGE MOVEMENT* *religion of the self*	DIMENSI BAHAYA AKIDAH
ASAS KETUHANAN (*AL-ILĀHIYYĀT*)	Tauhid: Allah SWT Maha Esa, *al-Khāliq* dan *al-Mudabbir*; pemisahan jelas antara *al-Khāliq* dengan *al-Makhlūq*.	Monisme (*all is one*) & panteisme (*all is God*); kecenderungan mengaburkan sempadan Tuhan dengan makhluk.	Meruntuhkan konsep tauhid & tanzīh; berpotensi membawa kepada syirik atau panteisme (*hulūl*, *ittihād*).
TERAS KEBENARAN (WAHYU & KENABIAN)	Wahyu sebagai sumber autoritatif; kerasulan sebagai perantara sah antara Allah SWT dengan manusia.	Relativisme kebenaran; intuisi & pengalaman peribadi lebih utama daripada wahyu.	Menafikan autoriti wahyu & meremehkan keperluan kerasulan.
EKSKLUSIVITI AGAMA	Islam sebagai satu-satunya agama yang diredai Allah SWT.	Pluralisme dan sinkretisme agama; semua jalan dianggap setara menuju 'kebenaran'.	Menghakis prinsip eksklusiviti Islam dan kesahihan akidah.
RUKUN IMAN (AKIDAH)	Iman kepada Allah SWT, malaikat, kitab, rasul, hari akhirat & qadak qadar.	Kepercayaan kepada tenaga kosmik, evolusi kesedaran, karma dan reinkarnasi.	Menggantikan konsep iman dengan kosmologi alternatif yang bercanggah dengan akidah.
RUKUN ISLAM (IBADAH)	Syahadah, solat, puasa, zakat & haji atau Ibadah khusus berasaskan syariat & perintah Allah SWT.	Amalan spiritual bebas (meditasi, visualisasi, tenaga dalaman) tanpa kerangka syariat.	Mengalih orientasi ibadah daripada *ubūdiyyah* kepada '*self-spirituality*'.
KEDUDUKAN MANUSIA	Hamba & khalifah; tertakluk kepada perintah Allah SWT.	'*Self-deification*': manusia memiliki potensi ketuhanan & kuasa mencipta realiti.	Mengangkat manusia ke tahap kuasi-ketuhanan; menjejaskan konsep *'ubūdiyyah*.

www.ukm.my/wanhaslan | http://aldurrah.blogspot.com

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا وَأَحِبَّتَنَا عِنْدَ الْمَوْتِ نَاطِقِيْنَ بِكَلِمَتَيْ الشَّهَادَةِ عَالِمِيْنَ بِهَا

Ya Allah jadikan kami dan insan yang kami kasihi di saat ajal maut di kalangan individu yang menuturkan dua kalimah syahadah dan memahami kandungannya



www.ukm.my/wanhaslan | http://aldurrah.blogspot.com



DR. WAN HASLAN KHAIRUDDIN, S.I.S

[UKM Sarjana | Fakulti Pengajian Islam]

B.A.(Hons.)(Al-Azhar); Dip. Pasca Ijazah (IPTI, Giza); M.A.IRK(UIAM); Dok.Fal.(UKMalaysia)

Tauliah mengajar / bersyarah:
[1] Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (02/04/2024-01/04/2029);
[2] Majlis Agama Islam Selangor (01/07/2026-30/06/2029);
[3] Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (1/07/2025-31/07/2028); &
[4] Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (31/12/2023-30/12/2026).

Permit Mengajar, Jabatan Pendidikan Tinggi, Bahagian Standard Swasta (No. Permit: PM/IPTS/2019/10/6351).
Tarikh: 29 Oktober 2019 (tanpa tempoh tamat). Bidang Pengajian: *Religion* | Peringkat: *Doctoral*; *Masters*; *Bachelors*; *Diploma*.

- **Pensyarah Kanan**

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

☎ +6038921 5521 | ✉ wanhaslan@ukm.edu.my | www.ukm.my/wanhaslan

Bidang Penyelidikan: Kalam & Mantik; Tasawuf & Tarekat; Kajian Ajaran Sesat; Perbandingan Agama; Kajian Bible; Ateisme;

Jawatan Lantikan:

- **Anggota Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak** (2026-2029)
- **Anggota Jawatankuasa Pengawalan Akidah, MAIS** (2024-2026)
- **Ahli Jawatankuasa Panel Khutbah Negeri Selangor** (2022-32027)
- **Ahli Jawatankuasa Syariah Koperasi UniKEB Berhad** (2021-2026)
- **Panel Penilai i-Syifa Negeri Selangor** (2022-2026)
- **Pengamal Perubatan Tradisional & Komplementari** (Pengubatan Islam) (2025-2027)

وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعۡدِهِمۡ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱغۡفِرۡ لَنَا وَلِإِخۡوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلۡإِيمَٰنِ وَلَا تَجۡعَلۡ فِي قُلُوبِنَا غِلّٗا لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٞ رَّحِيمٌ ١٠

Katakanlah: "Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan Rahmat-Mu. [al-Hashr 59: 10]